

# Waspada jenayah kad kredit

Pengguna perlu semak setiap transaksi dalam penyata bagi elak ditipu



Sumber : Berita Harian  
Tarikh : 14 Julai 2009  
Mukasurat : 22

## URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob  
azliayob@bharuan.com.my

**P**ERNAHKAH anda menerima penyata kad kredit yang menunjukkan anda telah membuat pembayaran ke atas satu pembelian yang tidak pernah anda lakukan?

Anda mungkin mengangap itu adalah suatu kesilapan di pihak bank.

Namun awas, jika perkara sedemikian berlaku, kemungkinan besar seseorang telah mencuri maklumat kad kredit anda dan menggunakannya untuk kepentingan peribadi.

Ini bermakna, pembelian yang tertera di penyata kad kredit anda itu sememangnya untuk satu pembelian yang benar-benar berlaku, tetapi dilakukan oleh orang lain yang mempunyai maklumat kad kredit anda.

Ini adalah suatu contoh penipuan kad kredit.

Jenayah penipuan kad kredit ini berlaku apabila seseorang berjaya mendapatkan maklumat utama kad kredit anda seperti nombor pengenalan kad berkenaan, nombor kad kredit, nombor PIN kad berkenaan atau beberapa maklumat utama

peribadi anda serta menggunakannya untuk kepentingan penjenayah terabit.

Kebiasanya, mangsa penipuan kad kredit ini tidak menyedari apa yang berlaku sehingga mereka perasan sesuatu yang tidak kena telah terjadi apabila menerima bil bagi akaun kad kredit yang tidak pernah dibuka, mendapat laporan penyata hutang yang tidak diketahui atau terpaksa membayar ke atas suatu caj yang tidak ditan-datangani.

Untuk mengelak anda daripada menghadapi perkara sedemikian, jenama kad kredit utama global, MasterCard memberikan panduan berikut dalam melindungi kad kredit anda:

- Turunkan tandatangan serta-merta ke atas kad sebaik menerimanya daripada pihak bank.

- Simpan kad kredit di tempat yang sama dalam dompet bagi membolehkan anda menyedari akan kehilangan kad kredit itu dengan serta-merta jika berlaku kehilangan atau kecurian.

- Jangan pinjamkan kad kredit anda kepada sesiapa pun.

- Jangan memberikan maklumat kad kredit anda kepada pihak yang tidak

dikenali.

- Jangan menulis nombor PIN di belakang kad kredit anda atau menyimpan nombor PIN itu di dalam dompet. Hafal nombor PIN itu.

- Simpan nombor telefon pengeluar kad kredit supaya anda boleh menghubungi mereka dengan serta-merta jika kad kredit anda hilang atau dicuri, berlaku transaksi yang tidak dibenarkan atau nombor PIN anda diketahui pihak ketiga.

- Gantung kad kredit yang sudah tamat tarikh apabila anda mendapat kad gantian.

- Untuk memastikan transaksi kad kredit anda sentiasa tepat dan bagi mengelak transaksi yang tidak dibenarkan anda dinasihatkan mengikut panduan berikut:

- Periksa semua maklumat terperinci di atas lampiran pembayaran sebelum anda menandatangani lampiran atau mengesahkan jumlah caj itu.

- Simpan semua lampiran pembayaran dan menyemakinya supaya tepat dengan apa yang tertera pada penyata pembayaran sebaik anda menerimanya.

- Maklumkan kepada pengeluar kad kredit anda dengan serta-merta mengenai sebarang kesilapan atau ke-



PIHAK berkuasa sentiasa komited bagi memberantas jenayah penggunaan kad kredit palsu.

mungkinan berlaku transaksi yang tidak dibenarkan dan membuat pertanyaan susulan secara bertulis secepat mungkin.

- Musnahkan semua lampiran pembayaran sebelum anda membuangnya.

- Sentiasa pastikan penyata kad kredit tiba pada masanya.

- Pastikan semua surat anda tidak dicuri ini untuk mengelakkan penjenayah mendapat maklumat kad kredit menerusi surat.

- Pastikan pembelian secara dalam talian menggunakan kad kredit hanya menerusi laman web yang sah dan selamat. Lihat panduan seperti alamat laman web atau URL yang bermula

dengan https://

- Elak daripada menggunakan kad kredit anda sebagai tanda pengenalan diri. Pencuri boleh mencuri maklumat yang ada pada kad itu untuk kegunaan mereka.